

20 OCT 2003

Litar-Muzium/I

GALERI AUTOMOBIL NASIONAL DIBUKA DISEMBER

SEPANG, 20 Okt (Bernama) -- Litar F1 di sini akan menyediakan satu lagi tarikan kepada para pengunjung dengan pembukaan Muzium Automobil Nasional tidak lama lagi.

Bagaimanapun sebagai langkah permulaan, sebuah galeri sementara akan dibuka Disember ini.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti, Mohd Redzuan Tumin berkata galeri itu akan mempamerkan kereta dan motosikal buatan Malaysia serta yang diimport selain pameran sejarah industri automobil negara.

Sebanyak 15 buah kereta bernilai RM3.1 juta tidak termasuk kereta-kereta yang dipinjamkan oleh Bufori, DRB-Hicom, Perodua and Proton akan dipamerkan, katanya selepas majlis penyerahan bangunan galeri sementara itu di sini hari ini.

Beliau berkata bangunan tetap muzium yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, dijadualkan mula dibina tahun depan.

Galeri itu yang dibuka kepada pelawat secara percuma, turut menyediakan kemudahan persembahan video dan grafik.

Antara kereta antik yang dipamerkan ialah kereta Bushmobile yang dibuat pada tahun 1904, Ford Speedster (1923), Alvis Firefly (1934) dan MG TD (1949).

Kurator galeri itu, Darniza Daut Mohmud berkata para pengunjung akan dibawa menyingkap sejarah projek kereta nasional yang bermula pada 1982 sebelum kereta pertama iaitu Proton Saga dikeluarkan pada 1985.

Beliau berkata kereta pertama dipasang di Malaysia oleh Swedish Motor Assemblies Sdn Bhd pada 1968.

Malaysia kini dikenali di peringkat antarabangsa sebagai sebuah negara pengeluar kereta dan motosikal.

-- BERNAMA

SMO HK SRI MOZ